



HEBAHAN PEPERIKSAAN

PANDUAN PELAKSANAAN PEPERIKSAAN PERTENGAHAN SEMESTER SECARA DALAM TALIAN SEMESTER APRIL SESI 2026/2027 PROGRAM SARJANA MUDA MOD SEPARUH MASA UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera pelajar yang dihormati,

Adalah dimaklumkan, Peperiksaan Pertengahan Semester April Sesi 2026/2027 pada 12 hingga 14 Jun 2026 diadakan midsem secara dalam talian melalui platform **UUM Online Learning PACE** atau **E – Assessment**.

Bersama – sama ini disampaikan [Panduan Persediaan Penggunaan Platform UUM Online Learning](#) dan [Panduan Persediaan Penggunaan Platform E-Assessment](#) seperti di lampiran untuk perhatian pelajar selanjutnya.

Pelajar TIDAK DIBENARKAN menggunakan medium emel penyelaras kursus/pensyarah mod Separuh Masa untuk penyerahan kuiz/peperiksaan akhir sekiranya tidak diarahkan oleh penyelaras kursus tersebut.

Pelajar yang tidak dapat menduduki peperiksaan dikehendaki membuat permohonan peperiksaan pertengahan semester gantian sebelum atau selewat – lewatnya pada 21 Jun 2026(Ahad) merujuk hebahan melalui laman web PACE UUM menu Peperiksaan dan Pengijazahan – Tarikh Akhir Permohonan Peperiksaan Pertengahan Gantian Semester JA261. Peperiksaan pertengahan semester gantian akan diadakan pada Pertemuan IV.

Pelajar yang tidak mendaftar kursus TIDAK DIBENARKAN menduduki peperiksaan pertengahan semester/gantian.

Kegagalan pelajar mendaftar kursus pada semester semasa akan menyebabkan sesi pengkuliah, markah tugas dan markah peperiksaan tidak diambil kira.

PERATURAN PEPERIKSAAN PERTENGAHAN SEMESTER APRIL SESI 2026/2027

Pelajar mesti mematuhi peraturan peperiksaan pertengahan semester mengikut mod yang ditetapkan oleh Penyelaras Kursus.

PEPERIKSAAN PERTENGAHAN SEMESTER SECARA DALAM TALIAN MELALUI PLATFORM PEPERIKSAAN UUM ONLINE LEARNING PACE ATAU E-ASSESSMENT

● PERINGATAN:

- Pelajar dikehendaki mengambil perhatian [Panduan Penggunaan UUM Online Learning PACE](#), [Panduan Login UUM Online Learning PACE](#) dan [Panduan Penggunaan E-Assessment](#).
- Pelajar diingatkan agar membaca dan mengikuti arahan serta peraturan pada muka hadapan dengan teliti.

- Pelajar hendaklah memastikan kamera pada komputer semasa aplikasi webex digunakan sepanjang peperiksaan dalam mod buka (on) sehingga peperiksaan tamat bagi tujuan taklimat dan rakaman.
- Pelajar yang tidak mengaktifkan butang kamera pada aplikasi webex semasa menduduki peperiksaan pertengahan semester akan menyebabkan keputusan peperiksaan dibatalkan.
- Pelajar diingatkan agar tidak melanggar mana-mana Peraturan Peperiksaan.
- Pelajar yang didapati meniru atau mengelat atau membolehkan orang lain mengelat dalam peperiksaan akan dikenakan tindakan mengikut peraturan peperiksaan yang sedia ada.
- Pelajar diingatkan agar tidak berhubung di antara satu sama lain semasa peperiksaan, melalui apa cara sekali pun.
- Pelajar dikehendaki menghantar skrip jawapan melalui platform peperiksaan UUM sahaja.
- Pelajar tidak dibenarkan menghantar skrip jawapan peperiksaan melalui medium lain.
- Pelajar dilarang meninggalkan talian peperiksaan tanpa memaklumkan kepada pensyarah sepanjang tempoh peperiksaan berlangsung jika belum tamat menjawab (logout).
- Sekiranya terdapat masalah teknikal penggunaan UUM Online Learning PACE, sila hubungi +604-928 6666/6644/6622 atau emel: itservices@uum.edu.my dengan mengemukakan nama/matrik/permasalahan untuk bantuan UUMIT selanjutnya.

Kerjasama dan perhatian semua pelajar berhubung perkara ini amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Unit Peperiksaan
Pusat Pendidikan Profesional & Lanjutan (PACE)
Universiti Utara Malaysia